

Lebih 400,000 guru dapat Baucer Buku Madani

UTUSAN MALAYSIA 02 JUN 2025

mk: 3

Oleh FITRI NIZAM

utusannews@mediamulia.com

KUALA LUMPUR: Kerajaan memperluaskan pemberian Baucer Buku Madani kepada lebih 400,000 guru seluruh negara mulai tahun ini.

Pada masa sama, pemberian Baucer Buku Madani kepada pelajar universiti masih diteruskan dengan beberapa pengubahsuaian yang perlu dilaksanakan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, peluasan pemberian baucer itu merupakan usaha berterusan kerajaan

untuk membudayakan amalan membaca dalam kalangan rakyat.

“Tahun ini kita bagi baucar kepada semua guru-guru. Tahun depan kita lihat dulu keadaan ekonomi negara sebab kita sedang bertarung dengan tarif (Presiden Amerika Syarikat, Donald) Trump,” katanya dalam ucapan Majlis Perasmian Penutupan Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2025 di Pusat Dagangan Dunia (WTC) Kuala Lumpur di sini semalam.

Anwar berkata, perlu ada garis panduan jelas mengenai pemberian baucar buku bagi mengelakkan pembelian

naskhah yang tidak berkualiti.

“Harus ada garis panduan. Buku yang diberi, tidak semua buku berkualiti dan menggalakkan ilmu,” katanya.

Dalam pada itu, Kementerian Pendidikan (KPM) akan segera memperincikan inisiatif pemberian baucer buku kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) agar dapat melaksanakannya dalam tempoh masa terdekat.

KPM dalam satu kenyataan berkata, inisiatif ini dijangka memberi manfaat kepada lebih 430,000 warga pendidik di seluruh negara.

“Pengumuman Perdana Menteri mencerminkan keprihatinan

beliau terhadap kepentingan membudayakan amalan membaca dalam kalangan masyarakat termasuk golongan pendidik.

“Inisiatif ini juga bertepatan dengan usaha berterusan KPM untuk mempertingkatkan amalan membaca di semua peringkat selain sebagai usaha menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan pendidik,” katanya.

Pada masa sama, pemberian Baucer Buku Madani kepada pelajar universiti masih diteruskan dengan beberapa pengubahsuaian yang perlu dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).



ANWAR Ibrahim (tiga dari kiri) menyempurnakan gimik penutupan pada Majlis Penutup Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur di Pusat Dagangan Dunia (WTC) Kuala Lumpur, semalam. - ISKANDAR ISHAK